



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**KESEDIAAN PELAJAR TERHADAP PROSES PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN (PdP) NORMA BARU DI JABATAN
TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (JTMK),
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN (PSMZA)**

*STUDENT READINESS TO TEACHING AND LEARNING (PDP) NEW NORM IN
THE DEPARTMENT OF INFORMATION & COMMUNICATION TECHNOLOGY
(JTMK), POLYTECHNIC SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN (PSMZA)*

Nor Aidawati Abdillah^{1*}, Mazidah Musa²

¹ Department of Information and Communication Technology (JTMK), Polytechnic Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Malaysia

Email: nor.aidawati@psmza.edu.my

² Department of Information and Communication Technology (JTMK), Polytechnic Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA), Malaysia

Email: mazidah@psmza.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 27.01.2021

Revised date: 07.02.2021

Accepted date: 18.02.2021

Published date: 05.03.2021

To cite this document:

Abdillah, N. A., & Musa, M. (2021). Kesediaan Pelajar Terhadap Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Norma Baru di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal

Abstrak:

Kajian ini melihat kesediaan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) norma baru di Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK), Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan penerimaan pelajar terhadap PdP norma baru ini dan kemudahan sedia ada yang mempengaruhi pelaksanaan PdP norma baru ini. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif yang melibatkan sampel kajian yang terdiri daripada 81 orang pelajar dari semester 3 dan 4 JTMK, PSMZA dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Semua data yang telah dikutip dianalisis dengan perisian Statistical Package Social Science 20 (SPSS 20). Data yang diperolehi dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk peratusan dan skor min yang kemudiannya akan diinterpretasikan dalam bentuk jadual. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan penerimaan pelajar terhadap PdP norma baru berada pada tahap sederhana. Namun begitu, kesediaan kemudahan

Abidin (PSMZA). Journal of Modern Education, 3(8), 114-124.

DOI: 10.35631/IJMEO.380010

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



sedia ada yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran secara norma baru menunjukkan tahap yang tinggi

Kata Kunci:

Kesediaan, Pengajaran dan Pembelajaran, Norma Baru

Abstract:

This study looks at students' readiness for teaching and learning (T&L) of new norms in the Department of Information and Communication Technology (JTMK), Polytechnic Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA). The purpose of this study is to identify the level of readiness of students' acceptance of the T & L of this new norm and the existing facilities that influence the implementation of T&L's new norm. This study uses a quantitative method involving a sample of study consisting of 81 students from semester 3 and 4 JTMK, PSMZA, and uses a questionnaire as a research instrument. All data collected were analysed with Statistical Package Social Science 20 (SPSS 20) software. The data obtained are analysed and presented in the form of percentages and mean scores which will then be interpreted in tabular form. Overall, the results of the study show that the level of readiness of students' acceptance of the T&L of the new norm is at a moderate level. However, the availability of existing facilities that influence the implementation of learning in the new norm shows a high level.

Keywords:

Readiness, Teaching and Learning, New Norm

Pengenalan

Kehadiran virus Covid-19 telah memberi impak yang besar bukan sahaja terhadap pembangunan sosial dan kesihatan manusia sejagat, malah struktur proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) seluruh dunia juga terkesan dengan penularan wabak ini. Krisis global akibat penularan Covid-19 ini bukan sahaja memberikan kesan yang buruk terhadap keadaan ekonomi negara malah turut menyebabkan aktiviti PdP di semua institusi pendidikan seperti sekolah, kolej dan universiti terganggu dan tertangguh.

Disebabkan pandemik ini, masyarakat mula mengadaptasi norma baharu kehidupan dalam usaha membendung peningkatan penularan wabak ini. Pandemik COVID-19 ini sangat memberi kesan bukan sahaja di Malaysia bahkan di seluruh dunia. Bagi memastikan PdP dapat dijalankan dengan lancar di peringkat pengajian tinggi tempatan, banyak garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan-badan profesional yang berkaitan bagi memastikan institusi pengajian tinggi (IPT) dapat meneruskan aktiviti PdP dengan lebih efektif.

Menerusi kenyataan media bertarikh 27 Mei 2020, KPT mencadangkan semua aktiviti PdP dilaksanakan secara atas talian sehingga 31 Disember 2020. Cadangan berkenaan pengendalian aktiviti akademik di IPT semasa dan pasca PKP tersebut telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas Menteri-Menteri pada 16 Mei 2020 mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2020. Semua aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan dan pembelajaran secara atas talian terus berlangsung bagi menggantikan pertemuan bersemuka kecuali pelajar yang berkeperluan untuk pulang ke kampus secara berperingkat dengan mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Norma baru dalam PdP dilaksanakan menerusi pelbagai platform seperti Microsoft Team, Google Classroom, Google Meet, Zoom, Telegram, Whatsapp dan sebagainya agar pelajar tidak ketinggalan dalam proses PdP. Suasana PdP secara norma baru terus mendapat perhatian masyarakat terhadap pelaksanaannya dalam konteks pendidikan di Malaysia menerusi pengumuman terbaharu yang diumumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 8 November 2020 tentang penutupan sekolah sehingga hujung tahun ini,

Objektif

- i) Untuk mengenalpasti kesediaan penerimaan pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran secara norma baru
- ii) Untuk mengenalpasti kesediaan kemudahan sedia ada yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran secara norma baru

Pernyataan Masalah

Dalam tempoh sekatan pergerakan akibat Covid-19, PdP secara atas talian bukan lagi satu pilihan tetapi keperluan. PdP norma baru ini merupakan satu keperluan penting dalam pendidikan Revolusi Industri 4.0 untuk generasi sekarang. Susulan daripada penularan wabak COVID-19 yang melanda, pertemuan secara bersemuka antara pensyarah dan pelajar terpaksa dilaksanakan secara atas talian melalui aplikasi persidangan video seperti *Google Meet*, *MS Team*, *Zoom*, *Skype*, *Google Hangout*, *Whatsapp* dan lain-lain aplikasi yang sesuai dalam proses PdP untuk menyokong pembelajaran norma baru ini.

Memandangkan aplikasi-aplikasi ini dianggap baru oleh sesetengah pensyarah dan pelajar, mereka terpaksa diberi latihan yang intensif untuk memastikan proses PdP dapat dilaksanakan secara berkesan. Pelajar terpaksa bersedia dari pelbagai aspek seperti kemudahan yang diperlukan untuk proses PdP secara atas talian, capaian internet dan sebagainya. Kemahiran teknologi maklumat (IT) pelajar turut memainkan peranan bagi memastikan PdP secara norma baru ini dapat dilaksanakan secara efektif melalui pelbagai aplikasi lain seperti *Zoom*, *Meet* atau lain-lain kaedah untuk menyediakan pembentangan tugas yang diberi. Pembentangan melalui kaedah berkongsi skrin (*screen sharing*) juga boleh dilakukan secara digital.

Namun begitu, terdapat juga kekusaran sama ada pelajar bersedia untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran seperti biasa menerusi pelbagai sistem atas talian seperti *Google Classroom*, *Google Slides* dan *Google Meet*. Malah kumpulan *WhatsApp*, *Telegram* dan *Facebook* juga boleh terus menjadi platform yang sangat signifikan dalam mewujudkan sesi interaksi dan pembelajaran antara pelajar dan pensyarah. Walaubagaimanapun, masih lagi terdapat cabaran di mana pelajar perlu mahir menggunakan segala platform digital dan teknologi yang ada. Bagi memastikan PdP berjalan dengan lancar, para pelajar yang kurang mahir dengan teknologi maklumat perlu segera membiasakan diri supaya aktiviti PdP boleh diteruskan seperti biasa. Di samping itu, pensyarah juga perlu bersedia untuk berhadapan

dengan situasi pelajar yang tiada akses internet serta memiliki peranti yang bersesuaian untuk belajar secara maya.

Kajian Literatur

Pengajaran dan Pembelajaran

Pengajaran boleh didefinisikan sebagai penglibatan dengan pelajar untuk membolehkan pemahaman dan penerapan pengetahuan, konsep dan proses. Ia merangkumi reka bentuk, pemilihan kandungan, penyampaian, penilaian dan refleksi. Pembelajaran pula boleh didefinisikan sebagai aktiviti atau proses mendapatkan pengetahuan atau kemahiran dengan belajar, berlatih, diajar, atau mengalami sesuatu. Pembelajaran adalah mengenai apa yang pelajar lakukan, bukan mengenai apa yang kita lakukan sebagai pensyarah.

Pengajaran ialah sesuatu tugas atau aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Proses pengajaran tidak akan berlaku tanpa salah satu daripadanya. Pengajaran mengikut Reigeluth (2009) adalah suatu proses yang sengaja dirancang dan dilakukan untuk memudahkan pembelajaran. Ia melibatkan teori-teori pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan pembelajaran.

Teori pengajaran dan pembelajaran melibatkan pelbagai kaedah dalam konstruktivisme yang memberi tumpuan kepada pelajar dan pengajaran tradisional yang lebih fokus kepada guru. Konstruktivisme adalah sebahagian dari pengajaran kerana pembelajaran melibatkan penyampaian (pengajaran) serta pembinaan (konstruktivisme) maklumat atau pengetahuan. Pengajaran dirancang oleh guru secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinkan terjadinya proses belajar. Pengajaran adalah aktiviti-aktiviti bermatlamat yang dilakukan oleh guru secara sengaja dan disedari bagi membantu pengajaran. (Shahabuddin et. al. 2003).

Menurut Ishak Baba (2009), pembelajaran merupakan proses di mana individu dapat mengubah sikap dan tingkah laku mereka untuk berkembang secara berterusan dan kekal serta mampu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk kemajuan diri sendiri khususnya dan masyarakat atau negara amnya. Ia merupakan aktiviti mental, fizikal, atau rohani pada diri pelajar itu sendiri. Dalam menentukan proses pembelajaran, faktor penting yang perlu dititikberatkan ialah keinginan individu untuk terus belajar di samping berminat untuk menerap dari mempraktikkannya di dalam situasi yang sesuai. Sifat-sifat keterbukaan, reflektif, dan objektiviti sangat perlu untuk menghasilkan pembelajaran yang berterusan. Pembelajaran boleh didefinisikan sebagai proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan.

Pembelajaran Atas Talian

Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang digunakan oleh pensyarah boleh memberi impak kepada prestasi akademik pelajar. Pembelajaran atas talian merupakan sesuatu proses yang melibatkan penyambungan kepada komputer dan internet. Penggunaan Internet digunakan untuk mengakses bahan pembelajaran, untuk berinteraksi dengan pensyarah dan rakan-rakan serta untuk mendapatkan sokongan semasa proses PdP.

Pelajar dan pensyarah menggunakan Internet dalam proses PdP khususnya untuk menyampaikan ilmu dan mencari pelbagai maklumat berkaitan pendidikan. Internet kini telah menjadi kaedah yang paling mudah dan digemari dalam konteks mencari nota-nota rujukan tambahan, soalan-soalan lepas, berkongsi pandangan dan bertanya pendapat tentang sesuatu tugas ataupun latihan menerusi ruangan sosial di Internet (Arthur & Brafı 2013).

Selain daripada itu, menurut Mohd Nazri (2017) terdapat beberapa penemuan dan pembangunan teknologi secara atas talian yang melibatkan multimedia dan komunikasi secara langsung yang mempengaruhi aktiviti harian masyarakat hari ini. Antaranya teknologi *live streaming*, *virtual and augmented reality*, *artificial intelligence*, *the internet-of thing (IOT)*, *Big Data* dan *App Streaming*. Kesemua teknologi ini juga mempengaruhi corak dan gaya pembelajaran pelajar pada hari ini.

Menurut Muniroh, Siti Balqis, Ch'ng Pei Eng (2020), pembelajaran atas talian ini sebenarnya mampu menghasilkan seseorang yang mempunyai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (*Life Long Learning*). Kemahiran ini memerlukan seseorang yang mampu menentukan apa yang perlu dipelajari, mencari maklumat atau bahan untuk dipelajari, mempunyai kemahiran pembelajaran sendiri dan berdikari, bermotivasi, serta boleh membuat refleksi terhadap pembelajarannya dengan melakukan pentaksiran sendiri atau cara yang lain.

Pembelajaran secara atas talian menekankan persekitaran pembelajaran interaktif yang dirancang untuk merangsang komunikasi antara pengajar dengan pelajar dan di kalangan pelajar itu sendiri. Proses PdP ini memerlukan pengajar dan pelajar untuk mengambil peranan aktif. Pengajar selalunya akan bertindak sebagai fasilitator dan mengatur aktiviti yang melibatkan pelajar secara langsung daripada terlalu bergantung pada kuliah .

Pensyarah yang mengajar secara atas talian harus terbuka, prihatin, fleksibel dan ikhlas. Pensyarah perlu mengimbangi kekurangan kehadiran fizikal dalam kuliah secara maya dengan memastikan persekitaran yang kondusif di mana semua pelajar merasa selesa untuk mengambil bahagian dalam proses PdP dan pelajar boleh mengakses pensyarah mereka di mana sahaja. Kegagalan untuk melaksanakan proses ini akan menyebabkan persekitaran pembelajaran yang sangat lemah. Dalam pembelajaran secara atas talian ini, pensyarah harus bersedia memberikan perhatian individu kepada pelajar yang mungkin memerlukan pertolongan tambahan. Pensyarah juga perlu bersikap peka, terbuka dan fleksibel untuk berjaya dalam proses PdP secara atas talian.

Norma Baru

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, norma ialah ukuran untuk menentukan sesuatu. Norma juga bermaksud peraturan atau ketentuan yang telah menjadi kebiasaan yang dijangka akan dipatuhi oleh setiap anggota masyarakat dan sebagainya. Norma baharu pula merupakan peraturan yang diterima atau diguna pakai oleh masyarakat disebabkan berlakunya sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit.

Norma baru adalah keadaan di mana ekonomi, masyarakat, dan lain-lain diselesaikan setelah berlaku krisis, di mana keadaan pada masa ini berbeza dari situasi yang berlaku sebelum

berlakunya krisis. Istilah ini telah digunakan sehubungan dengan krisis kewangan 2007-2008, selepas kemelesetan global 2008–2012, dan pandemik COVID-19.

Metodologi

Kajian mengenai kesediaan pelajar terhadap proses PdP secara norma baru ini dilaksanakan secara kuantitatif. Ia melibatkan instrumen pengumpulan data melalui soal selidik yang diedarkan kepada 81 orang pelajar semester 3 dan 4 Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Rasional memilih pelajar ini adalah kerana penyelidik mengajar pelajar-pelajar tersebut.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan bertujuan bagi menentukan ciri-ciri soalan yang perlu diubah suai atau dikekalkan (Najib, 1999). Melalui kajian rintis juga, kesahan dan kebolehpercayaan pernyataan-pernyataan dalam soal selidik yang digunakan boleh ditentukan. Kajian rintis ini telah dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 30 orang pelajar yang dipilih secara rawak. Nilai pekali kebolehpercayaan yang didapati bagi setiap item yang terdapat di dalam borang soal selidik adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Nilai Pekali Kebolehpercayaan Item

Aspek	Cronbach's Alpha
Kesediaan penerimaan pelajar	0.919
Kesediaan kemudahan sedia ada	0.931

Kebolehpercayaan instrumen yang bernilai 0.6 dan ke atas sering digunakan untuk menentukan tahap kebolehpercayaan sesuatu kajian (Konting, 2005). Oleh yang demikian, dapatan nilai kebolehpercayaan ini telah membuktikan bahawa setiap item yang digunakan dalam soal selidik ini mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan dalam kajian yang ingin dijalankan.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian I mengandungi maklumat pelajar dan Bahagian II ialah soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A yang mengandungi 10 item yang berkaitan kesediaan penerimaan pelajar dalam pelaksanaan pembelajaran secara norma baru dan Bahagian C yang mengandungi 6 item yang berkaitan dengan kesediaan kemudahan sedia ada mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran secara norma baru. Bagi soalan Bahagian II, kesemua item tersebut diukur dengan menggunakan skala Likert. Skala ini dibahagikan dengan lima (5) pemerkatan iaitu:

- Skala 1: Sangat Tidak Setuju
- Skala 2: Tidak Setuju
- Skala 3: Tidak Pasti
- Skala 4: Setuju
- Skala 5: Sangat Setuju

Dapatan Kajian

Demografi Responden

Demografi responden dalam kajian ini merangkumi jantina dan negeri menetap. Kekekapan dan peratusan setiap aspek demografi adalah seperti dalam Jadual 2. Sampel terdiri daripada 32 orang pelajar lelaki (39.5%) dan 69 orang pelajar perempuan (60.5%). Berdasarkan negeri pelajar menetap majoriti yang menjawab soal selidik ini adalah dari negeri Terengganu iaitu sebanyak 42% atau terdiri daripada 34 orang pelajar. Ini diikuti oleh pelajar dari negeri Selangor sebanyak 15 orang (18.5%), Kelantan sebanyak 12 orang (14.8%), Pahang sebanyak 9 orang (11.1%), Perak sebanyak 4 orang (4.9%), Johor dan Kuala Lumpur sebanyak 2 orang (2.5%) dan Kedah, Negeri Sembilan dan Labuan masing-masing seramai 1 orang (1.2%)

Jadual 2: Demografi Responden

Demografi	Bilangan Responden	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	32	39.5
Perempuan	69	60.9
Negeri menetap		
Johor	2	2.5
Kedah	1	1.2
Kelantan	12	14.8
Kuala Lumpur	2	2.5
Melaka	0	0
Negeri Sembilan	1	1.2
Pahang	9	11.1
Perak	4	4.9
Perlis	0	0
Pulau Pinang	0	0
Sabah	0	0
Sarawak	0	0
Selangor	15	18.5
Terengganu	34	42
Labuan	1	1.2

Analisis Kesediaan Penerimaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Secara Norma Baru

Berdasarkan kepada Jadual 3, didapati sebahagian item dalam kesediaan penerimaan pelajar pembelajaran secara norma baru mempunyai nilai min di tahap yang tinggi dan sebahagian lagi mempunyai nilai min di tahap sederhana. Bacaan min direkodkan dalam kadar 3.370 sehingga 3.914. Nilai min yang tertinggi iaitu 3.914 ditunjukkan dalam item yang kelima iaitu pelajar tidak mahu ketinggalan menggunakan kaedah baru dalam pembelajaran. Min yang terendah pula boleh dilihat pada item kesembilan iaitu pelajar mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai ICT dan perkomputeran. Berpandukan kepada dapatan hasil kajian pada Jadual 3, boleh diperkatakan secara keseluruhannya bahawa kesediaan penerimaan pembelajaran secara norma baru mempunyai nilai min di tahap yang sederhana.

Jadual 3. Kesiediaan Penerimaan Pelajar Terhadap Pembelajaran Secara Norma Baru

BIL	ITEM	MIN	TAHAP
1.	Saya selalu ingin mempelajari sesuatu perkara baru	3.889	Tinggi
2.	Saya akan memperuntukkan masa untuk mempelajari sesuatu yang baru walaupun dalam keadaan sibuk	3.593	Sederhana
3.	Saya tidak mempunyai masalah untuk menggunakan apa jua kaedah pembelajaran	3.407	Sederhana
4.	Saya suka mencuba perkara baru walaupun saya tidak pasti hasilnya	3.802	Tinggi
5.	Saya tidak mahu ketinggalan menggunakan kaedah baru dalam pembelajaran	3.914	Tinggi
6.	Saya suka mencuba sesuatu yang baru terutama berkaitan dengan pembelajaran secara dalam talian	3.531	Sederhana
7.	Saya mempunyai minat yang tinggi dalam bidang ICT	3.815	Tinggi
8.	Saya sentiasa positif terhadap penggunaan teknologi terkini dalam pembelajaran	3.778	Tinggi
9.	Saya mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai ICT dan perkomputeran	3.370	Sederhana
10.	Saya mempunyai kemahiran dalam bidang ICT dan perkomputeran	3.444	Sederhana
KESELURUHAN		3.654	Sederhana

Pengukuran tahap ini adalah berdasarkan Jadual 4, menggunakan formula yang dikemukakan oleh bagi menentukan julat min pada tahap rendah, sederhana dan tinggi:

Jadual 4: Interpretasi Tahap Bagi Julat Min

Julat	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Kamazita Tahir (2007)

Analisis Kesiediaan Kemudahan Sedia Ada Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Pembelajaran Secara Norma Baru

Berdasarkan kepada Jadual 5, secara keseluruhannya didapati kesemua item dalam kesiediaan kemudahan sedia ada yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran secara norma baru mempunyai nilai min di tahap yang tinggi iaitu sebanyak 4.249. Bacaan min direkodkan dalam kadar 3.000 sehingga 4.235. Min tertinggi direkodkan untuk item kedua di mana pelajar mempunyai telefon pintar iaitu sebanyak 4.235. Min yang terendah pula direkod pada item keempat dari segi capaian internet yang laju iaitu sebanyak 3.000. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemudahan yang cukup untuk melaksanakan pembelajaran secara norma baru.

Jadual 5. Kesediaan Kemudahan Sedia Ada Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Pembelajaran Secara Norma Baru

BIL	ITEM	MIN	TAHAP
1	Saya mempunyai kemudahan komputer peribadi	4.148	Tinggi
2	Saya mempunyai telefon pintar	4.235	Tinggi
3	Saya mempunyai akses data yang mencukupi	3.383	Sederhana
4	Saya mempunyai capaian internet yang laju	3.000	Sederhana
5	Saya mempunyai kemahiran dalam aplikasi <i>Google Classroom</i> , <i>Google Meet</i> , <i>Zoom</i>	3.864	Tinggi
6	Saya mudah untuk mendapatkan perisian yang diperlukan dalam proses PdP	3.432	Sederhana
KESELURUHAN		4.249	Tinggi

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan kesediaan pelajar dalam pembelajaran secara norma baru berada pada tahap sederhana. Ini berdasarkan kepada dapatan kajian yang menunjukkan skor min bagi aspek kesediaan dalam pembelajaran secara norma baru adalah 3.654. Kesediaan pelajar dalam PdP secara norma baru perlu dititik beratkan dan diberi perhatian kerana mereka adalah pelanggan utama di setiap institusi pendidikan. Hasil pembelajaran yang ingin dicapai tidak akan dapat diperolehi jika pelajar tidak bersedia dan sama-sama terlibat dalam proses PdP secara norma baru ini walaupun pensyarah bersemangat menyediakan pelbagai bahan PdP untuk menarik minat pelajar dalam proses PdP secara baru ini. Menurut Mohammad & Mohamad Yasin (2011), penekanan kepada amalan kreativiti pengajaran bukan sahaja dapat mempelbagaikan kaedah dan strategi pengajaran baharu tetapi membantu guru memudahkan proses pengajaran dengan berkesan.

Daripada aspek dalam kemudahan sedia ada yang mempengaruhi pelaksanaan pembelajaran secara norma baru ini, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya berada dalam tahap yang tinggi. Ini dapat dilihat dari segi kemudahan telefon pintar. Boleh dikatakan hampir semua pelajar di IPT sekarang mempunyai kemudahan telefon pintar. Namun begitu, terdapat juga kekangan dalam pelbagai kemudahan dan infrastruktur dalam meneroka pembelajaran dalam platform digital ini terutama dalam masalah capaian internet. PdP secara dalam talian boleh menjadi pilihan utama bagi pelajar yang tidak mempunyai masalah peranti dan capaian internet. Bagi pelajar yang mempunyai kekangan daripada segi peranti dan capaian internet, Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Noraini Ahmad mengumumkan dalam Majlis pelancaran Pakej Pelan Data dan Peranti Kepada Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di KPT bahawa KPT telah memperuntukkan RM24 juta bagi Bantuan Pelan Data kepada 320,396 pelajar dari kategori B40 bagi memastikan mereka mendapat persekitaran pembelajaran yang kondusif dengan PdP secara dalam talian ekoran pandemik COVID-19.

Bantuan daripada pihak berwajib amat diperlukan dalam menyediakan kemudahan infrastruktur yang diperlukan bagi memastikan pelaksanaan proses PdP secara maya ini dapat diteruskan. Untuk mengatasi masalah capaian internet misalnya, perlu ada langkah drastik dari pihak kerajaan untuk menambahbaik kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan supaya pada akhirnya hasrat untuk mendigitalkan sektor pendidikan negara atau lebih dikenali sebagai e-pendidikan dapat direalisasikan.

Kesimpulan

Dengan terhasilnya pelbagai norma baharu dalam bidang PdP di IPT, pelbagai hikmah dapat diperoleh akibat penularan wabak COVID-19 ini. Pelaksanaan PdP di IPT akan menjadi lebih kreatif dan fleksibel dalam memastikan pelajar dapat meneruskan proses PdP dengan lancar. Bantuan dan inisiatif yang diberikan oleh kerajaan juga banyak membantu meringankan beban yang dihadapi oleh pelajar dalam situasi semasa berkaitan pandemik COVID-19 dan diharapkan dapat dimanfaatkan sebaiknya. Semua pihak yang terlibat perlu bekerjasama dalam menghadapi norma baharu ini. Garis panduan pelaksanaan PdP dan segala amalan yang baik perlu dipatuhi bagi memastikan institusi pendidikan dapat melaksanakan proses PdP dengan sempurna. KPT, MQA dan badan profesional lain perlu lebih fleksibel demi memastikan PdP boleh terus dilaksanakan tanpa mengabaikan kualiti yang diperlukan. Cabaran norma baru ini yang dihadapi akibat PKP dan Covid-19 tidak akan melemahkan semangat para pensyarah dan pelajar untuk meneruskan sesi PdP melalui amalan norma baharu dalam sektor pendidikan negara. Kesimpulannya, krisis Covid-19 telah banyak membantu sektor pendidikan dengan memaksa kita untuk mempercepatkan kewujudan persekitaran pendidikan yang berinovasi dan berteknologi tinggi.

References

- Afandi, A. (2020, April 8). Cabaran Covid-19: Tanggungjawab pensyarah dan pelajar di universiti. Retrieved from <https://news.uthm.edu.my/ms/2020/04/cabaran-covid-19-tanggungjawab-pensyarah-dan-pelajar-di-universiti/>.
- Arthur, C. & Brafi, P.O. 2013. Internet use among students in tertiary institutions in the Sunyani Municipality, Ghana. *Library Philosophy and Practice (e-journal)*. Paper 859.
- Kamazita Tahir (2007). Analisis Persekitaran Dalaman Sekolah Kebangsaan di Zon Bandar Utara, Johor Bahru. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, cet. 4., tahun 2010.
- Mazlina, A.M. (2020, May 27). Adaptasi pembelajaran secara maya dalam kebiasaan baharu bidang pendidikan. Retrieved from <http://news.ump.edu.my/experts/adaptasi-pembelajaran-secara-maya-dalam-kebiasaan-baharu-bidang-pendidikan>.
- Mohammad, N. & Mohamad Yasin, R. (2011). Pembangunan Model Pengajaran Kreatif Dalam Bidang Reka Bentuk dan Teknologi di Sekolah Menengah. In *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia*. Jil. 2, No.1 Februari 2011. ISSN: 2180-1525. (pp. 50–63).
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Hafiz Abu Hassan. (2020, Ogos 24). Penggunaan Aplikasi Dalam Talian Norma Baharu Pendidikan Tinggi. Retrieved from <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1872371>

- Mohd Majid Konting. (2009). Kaedah penyelidikan pendidikan. 8th ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muniroh Hamat, Siti Balqis Mahlan, Ch'ng Pei Eng (2020). Adaptasi Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Maya Dalam Kebiasaan Baharu Semasa Pandemik Covid-19. SIG: e-Learning@CS eISBN : 978-967-0841-88-5
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Atas Talian Suatu Keperluan Di Malaysia <https://www.researchgate.net/publication/342886967>
- Ridzwan Che Rus(20202, April 17).Norma baharu pembelajaran dan pentaksiran pendidikan. Retrieved from <https://harakahdaily.net/index.php/2020/04/17/norma-baharu-pembelajaran-dan-pentaksiran-pendidikan/>
- Rubiah Omar, Jamilah Hj. Ahmad (2009). Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1): 155-172
- Shaharuddin, Md Salleh, Zaidatun Tasir (2011). Pembinaan Sistem Pembelajaran Berasaskan Simulasi Interaktif Menerusi Web Bagi Kursus Telekomunikasi dan Rangkaian, *Jurnal Teknologi Pendidikan Malaysia*. Jilid 1. No. 1. (Mac)
- Shahabuddin Hashim, Dr. Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad (2003). *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Pahang Darul Makmur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.